

TASAWUF DALAM GERAKAN DAKWAH TANAHAIR

Oleh:

Badlihisham Mohd Nasir*

Othman Haji Talib**

Abstract

It is undeniable fact that tasawwuf is one of the major aspect in islam. It was not only the fact that tasawwuf has been practised as a ritual but also a factor in generating the spread of Islam. Sufi orders or movements all over the world said to be responsible in promoting da'wah although their understanding and practice of da'wah sometimes have been associated with such negative connotations like narrow-minded and backwardness. This issue particularly in the Malaysian context where there are needs to be addressed many da'wah movements engaged in da'wah. The essay attempts to highlight the association of tasawwuf with the Malaysian da'wah movements. In particular, it will critically discuss the understanding and practice of tasawwuf in these movements.

PENGENALAN

Tasawuf bukanlah suatu perkara baru dalam perkembangan dakwah Islamiah. Jika dakwah diibaratkan oleh Jacques Wardenburgh sebagai motor kepada gerakan Islam, tasawuf boleh dianggap sebagai roh atau nadi kepada dakwah itu sendiri. Hubungan di antara tasawuf dan dakwah dapat dilihat daripada tulisan tokoh-tokoh seperti al-Jurjani, al-Makki, al-Muhasibi, al-Qushairi dan lain-lain lagi yang telah menerangkan kedudukan tasawuf sebagai intipati penting risalah al-Din yang disebarluaskan ke seluruh pelusuk dunia. Perihal pentingnya tarekat tasawuf dalam konteks dakwah ini pula dapat dilihat pada tulisan Dr. Muhammad 'Abd al-Qâdir Abû Fâris yang mengakui fungsi gerakan berkenaan sebagai berperanan menyelesaikan masalah asas manusia sebagai hamba dan khalifah Allah. Proses asuhan dan didikan rohani-batin yang mengakarumbikan konsep *al-tawhid* dalam

* Pensyarah Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor

** Calon Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, FPI-UKM.

pelbagai dimensi fitrah individu dan organisasi melalui acuan *halawah al-iman* dengan methodologi *tazkiyyah al-nafs* adalah sentiasa menjadi keperluan individu, keluarga, masyarakat, negara dan umat Islam sehingga kini. Kebangkitan *Neo-Sufisme* seperti yang diakui oleh Fazlur Rahman sebagai bersifat aktif dalam masyarakat membuktikan wujudnya gabungan amalan kesufian dalam realiti semasa.¹ Walaubagaimanapun, umat Islam masih dihadapkan dengan pertanyaan, apakah tasawuf masih relevan dalam konteks realiti semasa khususnya dalam era globalisasi yang penuh dengan pelbagai cabaran terhadap dakwah. Tasawuf dan gerakannya masih lagi dikaitkan dengan imej negatif, sedangkan tasawuf mempunyai peranan yang sangat besar dalam penyebaran dakwah Islamiah di seluruh dunia.

Dalam konteks negara Malaysia, gerakan tarekat tasawuf telah memainkan peranan yang sangat penting dalam sejarah awal kedatangan Islam ke Nusantara. Kebangkitan Islam pada awal 1970an dilihat telah meletakkan semula tasawuf dalam gerakan dakwah semasa. Kemunculan beberapa gerakan dakwah yang berorientasikan tasawuf juga telah menyambung semula peranan tarekat tasawuf dalam dakwah. Walaupun demikian, masih terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa fahaman dan amalan tasawuf dalam sebilangan gerakan dakwah tidak jauh bezanya dengan apa yang berlaku di dalam segelintir tarekat sufi; di mana ia bertanggungjawab menyumbangkan unsur-unsur negatif seperti *jumud* dan anti-kemajuan. Sebahagian dari pendokongnya pula didakwa tidak memamerkan akhlak mulia sepertimana yang dikehendaki oleh ajaran tasawuf itu sendiri. Rencana ini cuba menjelaskan hubungan di antara tasawuf dan gerakan dakwah di negara ini dengan terlebih dahulu menyorot sejarah awal kebangkitan tasawuf dan gerakan dakwah tanahair, seterusnya akan membahas secara kritikal persepsi dan amalan tasawuf dalam konteks gerakan dakwah semasa di Malaysia.

TASAWUF DAN GERAKAN DAKWAH

Menurut Prof. A. Hasjmy, Islam telah bertapak di Nusantara sejak awal abad pertama Hijrah lagi, di mana sebuah kerajaan Islam pertama pimpinan Sultan Alaidin Sayyid Maulana Abd. Aziz Shah telah berjaya didirikan pada tarikh 1 Muharram 225 Hijrah di Perlak. Bermula dari itu, Islam tersebar luas sehingga berjaya menggantikan pengaruh agama Hindu-Buddha yang menjadi anutan majoriti rakyat di rantau ini. Ahli-ahli sufi berjaya memperkenalkan dimensi sufi Islam yang tersendiri sehingga

¹ Ideris Endot dan Idris Abdullah, "Peranan Tariqah Tasawwuf Dalam Dakwah dan Penyebaran Ilmu Pengetahuan di Malaysia", kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawwuf, anjuran Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan Fakulti Pengajian Islam, UKM di Hotel Hilton, Seremban pada 17-19 Ogos 2002.

Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair

mengatasi amalan mistik yang telah lama bertapak dalam masyarakat di Nusantara.² Kejayaan ini diakui oleh sarjana Barat seperti Vladimir Braginsky, seorang pengkaji sastera Melayu dari Rusia. Beliau menyatakan dalam bukunya *Tasawwuf dan Sastera Melayu* sebagai;

“Sejak akhir abad ke 14 terutama sekali abad ke 16-17, tasawwuf selalu memainkan peranan yang sangat penting dalam sejarah, agama dan budaya di kawasan Melayu-Indonesia yang maha luas itu. Cukup dikatakan, bahawa justeru bentuk sufi ternyata bentuk yang paling sesuai dengan mentalitas rakyat-rakyat di dunia kepulauan itu, bagi tersebar khasnya Islam di kalangan mereka. Semangat toleransi yang menjadi kelaziman dalam tasawuf mazhab Ibn Arabi yang agung itu, serta juga kecekapan dan kefasihan mubaligh-mubaligh sufi yang tahu jalan-jalan menuju hati, baik para intelektual dan aristokrat yang terpelajar mahupun rakyat jelata, sangat memperindah bagi masuknya agama Islam ke dalam semua serata masyarakat.”³

Secara ringkas, kejayaan gerakan tasawuf dalam mempromosi Islam boleh dilihat dari beberapa faktor. *Pertama*; Tumpuan penyebaran Islam ke Timur pada waktu itu lebih berorientasikan aspek kerohanian berbanding dengan kebangkitan intelektual, sains dan teknologi di Barat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas setelah berlakunya peristiwa kejatuhan Baghdad di tangan Hulago. Pusat kegemilangan intelektual Islam itu telah dimusnahkan dan berpindah ke Andalus. Ironisnya, pemimpin Moghul itu telah memeluk Islam justeru tertarik dengan akhlak dan kerohanian Islam, malah kemudian bangun menegakkan kerajaan Islam Moghul di India. Pendekatan Islam bercorak sufi ini disebarluaskan ke Timur dengan pesatnya oleh gerakan dakwah berbanding dengan pendekatan Islam berorientasikan ilmu dan teknologi yang telah berpindah ke Barat. Dalam erti kata lain, kemerosotan kuasa Islam di Timur Tengah telah mendorong arus perkembangan Islam berpindah ke rantau Asia Tenggara dengan diterajui oleh ahli sufi dan para pedagang.⁴

Kedua; Berlaku lompong kerohanian dalam masyarakat awam yang ketara. Menurut Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, kekurangan ini tidak dapat ditampung oleh agama Hindu-Buddha yang hanya berpengaruh di istana dan tidak dijawai sepenuhnya oleh masyarakat bawahan. Wujudnya ajaran-ajaran tradisi India

² A. Hashimy (1981), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Jakarta: Penerbitan Pt. Al-Ma’arif, h. 147.

³ Vladimir Braginsky (1993), *Tasawwuf dan Sastera Melayu: Kajian dan Teks-teks*, Jakarta: RUE, h. ix.

⁴ Hassan Ibrahim Hassan (1986), *Sejarah Islam Menyentuh Bidang-bidang Politik, Agama, Kebudayaan dan Kemasyarakatan*, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

yang berunsur diskriminasi seperti kasta menyebabkan masyarakat mula beralih kepada dakwah Islamiah.⁵ Kejayaan pendakwah sufi dalam menonjolkan keadilan dan keharmonian Islam sama ada dari sudut undang-undang dan akhlak telah meratakan Islam ke seluruh lapisan masyarakat. Kedudukan Islam di Nusantara semakin teguh apabila raja-raja memeluk Islam di atas inisiatif ahli sufi. Sebagai contoh, aliran tasawuf yang didokongi oleh ulama seperti Mahkdum Syed Abdul Aziz dan Sheikh Abdullah al-Yamani yang dapat mengIslamkan raja Melaka dan Kedah telah mempengaruhi perkembangan Islam di rantau ini.⁶

Ketiga; Kejayaan golongan sufi dalam menonjolkan imej Islam yang harmonis dengan budaya dan adat resam tempatan. Mubaligh awal sufi tidak terus menghentam unsur-unsur khurafat dalam masyarakat, sebaliknya menumpukan usaha pengIslamahan dahulu. Ini menjelaskan bahawa mereka begitu berhati-hati dalam menongkah arus budaya dan adat resam masyarakat Melayu yang bertentangan dengan Islam. Kemunculan ahli-ahli sufi tempatan seperti Wali Songo telah berjaya membawa aspirasi sufi Islam kepada masyarakat dengan lebih jelas dan berkesan. Pendekatan mereka menggunakan wayang kulit dalam menyampaikan mesej dakwah dikatakan berjaya menarik minat masyarakat Jawa yang sukakan hiburan dan unsur kesenian tersebut walaupun pada pandangan pengkritik Barat, pendekatan Wali Songo dianggap sebagai satu bentuk sinkritisme justeru wujudnya bauran sufi Islam dengan unsur mistik dan budaya tempatan.⁷

Keempat; Peranan tasawuf dalam kesusasteraan Melayu membantu menyebarkan Islam di Nusantara. Mana Sikana dalam bukunya *Sastera Islam di Malaysia* mengakui bahawa kedatangan Islam secara lebih pesat ke pulau Sumatera adalah melalui jalan sastera tasawuf. Sastera bentuk ini dapat menarik penganut-penganut agama lain kepada Islam di Baghdad dan Damsyik, khususnya pada zaman Ibn Arabi dan al-Ghazali. Di Alam Melayu pada ketika itu terdapat dua orang ahli tasawuf iaitu Shamsuddin al-Sumatrani dan Hamzah Fansuri yang banyak melahirkan karya-karya sastera seperti Miratul Mu'minin dan Syair Perahu. Bahkan Hamzah Fansuri dikatakan pernah giat mendirikan tempat-tempat belajar tasawuf di Tanah Jawa. Penyebaran Islam menerusi karya sastera diperkuatkan lagi dengan sumbangan penulisan hebat dari tokoh-tokoh seperti Sheikh Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf

⁵ W.F. Wertheim (1957), *Indonesian Society in Transition*, The Hague, h. 196.

⁶ Mohd Yusof Iskandar, "Masyarakat Melaka 1400-1511 Dengan Tinjauan Khusus Mengenai Orang Asing", dalam Khoo Kay Kim (ed.) (1979), *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 52.

⁷ Muhammad Abu Bakar, "Sufi in the Malay-Indonesia World", dalam Syed Hossein Nasr (ed.) (1991), *Islamic Spirituality Manifestations*, New York: SCM, h. 267.

Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair

Singkel dan Bukhari al-Jauhari.⁸

Kelima; sikap dan peranan positif ulama terhadap tasawuf turut memainkan peranan yang penting dalam menonjolkan jatidiri gerakan dakwah yang berorientasikan sufi di dalam masyarakat dan negara. Kebangkitan ulama di Nusantara tidak terlepas daripada amalan kesufian, sama ada mereka bertindak sebagai individu atau mengetuai tarekat tertentu. Mereka berjaya menonjolkan diri dalam arus perdana serta diterima dengan baik oleh masyarakat tempatan. Peranan yang dimainkan oleh ulama sufi ini tidak hanya bersifat eksklusif tetapi turut menjalar ke dalam aspek-aspek kehidupan yang lebih luas seperti pendidikan, sastera, sosial, ekonomi dan politik. Bahkan ulama sufi merupakan kelompok yang paling peka terhadap perubahan semasa. Justeru itu, peranan mereka tidak terhad kepada amalan membassahi lidah dengan amalan zikir semata-mata bahkan juga sanggup bermandikan darah dalam mempertahankan negara dari ancaman penjajah. Hakikat ini diakui sendiri oleh Stamford Raffles dalam tulisannya yang dihimpun oleh Martin sebagai; “The Islamic priests are usually seen as most active every time is a revolution”.⁹

Walaubagaimanapun, tidak semua pendekatan dan peranan aktif yang ditunjukkan oleh ulama-ulama sufi ini dilaksanakan di atas nama tarekat tasawuf. Tasawuf di Malaysia dalam era sejurus sebelum kemerdekaan lebih merujuk kepada usaha individu berbanding dengan usaha yang dilakukan di atas nama tarekat seperti apa yang berlaku di Afrika Utara dan Indonesia. Tarekat tasawuf bukan sahaja bergiat dalam tarbiyyah bahkan turut bergerak cergas menentang penjajah di bumi mereka. Ini agak berbeza dengan apa yang berlaku di Tanah Melayu yang mana gerakan tasawuf didakwa tidak begitu menonjol dalam memperjuangkan isu-isu sosial dan politik.¹⁰ Hasilnya, peranan tarekat-tarekat khususnya dalam konteks dakwah yang

⁸ Mana Sikana (1983), *Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana, h. 6.

⁹ Mohd Syukri Mohd Yeoh Abdullah dan Mohd Redzwuan Mohd Yunus, “Tasawuf is an Impetus to Islamic Revivalism in the Malay World”, kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Dakwah dan Tariqat Tasawwuf*, anjuran Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan Fakulti Pengajian Islam, UKM di Hotel Hilton Seremban pada 17-19 Ogos 2002.

¹⁰ Terdapat sembilan kumpulan tarekat tasawuf yang terkenal iaitu Qadiriyah, Naqsyabandiyah, Rifa'iyyah, Shaziliyah, Chistiyyah, Sattariyah, Tijaniyah, Alawiyah dan Ahmadiyah. Tarekat Ahmadiyah dan Naqsyabandiyah adalah merupakan kumpulan tarekat yang paling berpengaruh di Malaysia kini. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963), *Some Aspects of Sufism As Understood and Practiced Among the Malay*. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute, h. 32-33. Lihat maklumat lanjut mengenai sejarah kedatangan tarekat Tasawuf di Malaysia dalam Sulaiman Ibrahim (2002), *Al-Turuq al-Sūfiyyah fi Māliziyya wa Atharuha 'Ala al-Da'wah al-Islāmiyyah*, Seremban: Darul Ifta'.

meluas sering dipersoalkan. Kritikan-kritikan yang hebat terhadap gerakan sufi dikesan datangnya dari kem Kaum Muda pada awal tahun 1900an. Mereka mengkritik ulama Kaum Tua dan gerakan sufi yang dikatakan tidak terbuka serta menganjurkan reformasi agar pemikiran dan pendekatan mereka diubah.¹¹ Golongan reformis ini turut mengkritik golongan sufi yang didakwa menganjurkan bid'ah dalam amalan tarekat mereka. Melalui suara rasmi *al-Imam*, gerakan tarekat tasawuf didakwa telah melakukan amalan *bid'ah dalaiah* iaitu *bid'ah* yang menyesatkan.¹²

Sebenarnya, dalam konteks perjuangan kemerdekaan, ulamak sufi memainkan peranan utama menghalau penjajah British. Tokoh-tokoh seperti Tok Pulau Manis, Tok Ku Paloh, Tok Shaikh Duyung, Tok Ku Tuan Besar dan Abdul Rahman Limpong adalah di antara tokoh sufi yang gigih berjuang menentang British. Terdapat juga di kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam politik tanahair misalnya Dr. Burhanuddin al-Helmy yang merupakan seorang ahli tarekat Naqsyabandiyah.¹³ Walaupun tarekat yang didokongi oleh tokoh-tokoh berkenaan tidak menonjol dalam sejarah merebut kemerdekaan, elemen sufi tetap dianggap penting dalam memandu pengamalnya untuk bertindak aktif dalam mendepani isu-isu semasa. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya kegemilangan gerakan tasawuf cuba dihidupkan kembali di dalam masyarakat. Ini dapat dilihat daripada usaha gigih Dr. Burhanuddin mengadakan Kongres Sufi SeMalaya pada tahun 1960 dan 1962 bertujuan untuk menyatu dan membincangkan isu-isu yang timbul berkait dengan persoalan tasawuf dan gerakannya. Usaha ini tidak berjaya dilakukan kerana perhimpunan tersebut tidak mendapat kebenaran dari pihak berkuasa.¹⁴

Walaupun pada tanggapan umum, gerakan sufi pada hari ini dikaitkan dengan corak pendekatan eksklusif yang dikatakan memberi kesan negatif kepada perkembangan dakwah, ia masih boleh dipertikaikan kerana terdapat sebilangan tarekat sufi yang begitu aktif berdakwah di tengah masyarakat. Mereka tidak sibuk dengan aktiviti zikir sahaja, bahkan turut memberi tumpuan kepada pembangunan

¹¹ Lihat, secara terperinci dalam Mohd Sarim Mustajab, "Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948", dalam Khoo Kay Kim, *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, h. 149-173.

¹² Lihat *al-Imam*, jld. 2, no. 8 (4 Februari 1908), h. 256-260.

¹³ Tok Ku Pulau Manis sebagai contoh adalah Sheikh Tariqat Naqsyabandiyah di Terengganu. Lihat Muhammad Abu Bakar (1991), *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, dan Mohamed Abu Bakar, "Ulamak Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia, 1945-1985 dalam Norazit Selat (ed.) (1997), *Ekonomi dan Politik Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 144-185.

¹⁴ Burhanuddin al-Helmy (1966), *Symposium Tasawuf dan Tariqah*, Pulau Pinang: The United Press.

Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair

masyarakat melalui pendekatan dakwah mereka yang tersendiri. Mungkin kerana sikap mereka yang *low-profile* dan *non-political* itu sekaligus menenggelamkan sumbangan yang mereka berikan terhadap masyarakat. Sebagai contoh, tarekat Ahmadiyah yang diketuai oleh mufti pertama Negeri Sembilan, Sheikh Ahmad Said, di mana tarekat ini mempunyai mesej dan pendekatan dakwahnya yang jelas. Beliau mengasaskan sebuah sekolah agama rakyat bernama Madrasah al-Sa‘idiyyah di Rasah, Seremban, Negeri Sembilan. Cita-cita dan penglibatan dakwah tarekat ini di dalam masyarakat dapat dilihat dari matlamat penubuhan madrasah tersebut iaitu untuk melaksanakan prinsip Amar Ma’ruf dan Nahi Munkar, iaitu suatu prinsip asas dalam dakwah Islamiah. Madrasah ini aktif menyebarkan ajaran Islam dan tarekat Ahmadiyah sehingga berjaya menarik ramai pelajar dari Semenanjung Malaysia, Singapura, Borneo dan Indonesia. Tarekat ini mampu melahirkan ahli tarekat yang beramal dengan etika sufi Ahmadiyah serta menjadi agen penyebaran Islam di lokasi masing-masing.¹⁵

Kebangkitan tasawuf dalam gerakan dakwah tanahair atau pengaruh sufi secara aktif dalam sesebuah gerakan dakwah moden boleh dilihat daripada penubuhan Jamiyyah atau *All-Malaya Muslim Missionary Society* (Persekutuan Seruan Islam se-Malaya) oleh Maulana Abdul Aleem Siddique pada tahun 1931. Beliau mengamalkan tarekat Qadiriyyah, Naqsyabandiyah dan Surahwardiyah. Suatu perkara yang menarik di sini beliau juga merupakan salah seorang tokoh gerakan *al-Imam* yang mempelopori idea-idea Kaum Muda di Tanah Melayu. Gerakan dakwah ini melantik Syed Abdul Rahman al-Junied sebagai Presiden pertama dan menggariskan matlamat utamanya iaitu berdakwah dan menghadapi cabaran dakyah Kristian, Qadiyani dan Bahai.¹⁶ Gerakan dakwah ini berkembang di Singapura, Malaia, Indonesia, Burma, Thailand, Vietnam, Sri Lanka, Jepun, Afrika Selatan dan

¹⁵ Hassan Salleh dan Muhammad Nur Manutty (1981), “Al-Shaikh al-Hajj Ahmad bin al-Said al-Hajj Muhammad Jamaluddin al-Dandarawi”, dalam *Buku Cenderamata Memperingati Tokoh Ulama Silam Yang Ke-5*, Bangi: UKM, h. 50-60. Peranan aktif tarekat ini seterusnya dapat dilihat apabila Sheikh tarekat Ahmadiyah iaitu Sahibu al-Samahah Dato’ Ahmad Murtadha Sheikh Ahmad dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Cadangan Persatuan Tarekat Tasawuf SeMalaysia hasil resolusi seminar Dakwah dan Tarekat Tasawuf yang diadakan di Seremban. Resolusi seminar yang memberikan perakuan terhadap peranan tarekat tasawuf dalam usaha dakwah serta cadangan menggabungkan mereka dalam suatu *force* ini adalah usaha terkini selepas percubaan Dr. Burhanuddin al-Helmi pada awal tahun 1960an. Ia mungkin memberi lembaran baru kepada gerakan tarekat tasawuf untuk melibatkan diri secara lebih aktif dalam perkembangan dakwah Islamiah di Malaysia.

¹⁶ Moshe Yegar (1979), *Islam and Islamic Institution in British Malaya: Policies and Implementation*, Jerusalem: The Magness Press, h. 103.

Amerika. Jamiyyah menumpukan pembangunan dakwah dalam bidang pendidikan dan kebajikan. Bagi mencapai matlamat ini, Jamiyyah telah menjalankan pelbagai kegiatan sosial seperti menubuhkan klinik, perpustakaan, pusat perkhidmatan, kelas agama dan mengumpulkan dana bagi membantu golongan miskin.¹⁷

Aliran tasawuf dalam gerakan dakwah seperti ini semakin mendapat perhatian massa khususnya apabila negara dilanda arus kebangkitan gerakan dakwah pada awal 1970an. Era tersebut menyaksikan kebangkitan berbagai-bagai pertubuhan dakwah yang cuba menterjemahkan tasawuf dalam konteks gerakan masing-masing. Di antara mereka Jamaat Tabligh adalah yang paling awal bertapak di Malaysia. Ia diperkenalkan di sekitar tahun 1950an oleh ahli-ahli India Muslim yang datang berdakwah di Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, ia hanya mendapat tempat di kalangan orang-orang Melayu pada akhir tahun 1970an. Walaupun pertubuhan dakwah ini berasal dari luar, konsep dakwahnya yang berteraskan kerohanian mendapat tempat dalam masyarakat Melayu sehingga pakaian ahli-ahlinya yang mirip kepada ahli pakaian sufi itu seolah-olah menjadi uniform rasmi bagi pendokong gerakan berkenaan. Fenomena sufi sebagai dasar dan matlamat gerakan dakwah seperti ini dilanjutkan oleh Al-Arqam yang ditubuhkan pada tahun 1969 oleh Ustaz Ashaari Muhammad. Kemunculan gerakan Islam yang menumpukan seruan ke arah pembinaan unsur-unsur kerohanian seperti al-Arqam amat dinanti-nantikan oleh umat Islam khususnya selepas umat Islam menghadapi peristiwa getir 13 Mei 1969.¹⁸ Dalam pengertian lain, ia merupakan suatu pencarian jatidiri ummah yang menjadikan elemen kesufian sebagai teras kebangkitan mereka dalam menghadapi arus perubahan semasa.

Kemunculan badan-badan dakwah yang berorientasikan intelektual seperti al-Rahmaniah (1964) dan ABIM (1971) seterusnya telah memberikan nafas baru kepada aplikasi tasawuf dalam konteks gerakan dakwah semasa. Gagasan dakwah dan tarbiyyah yang disaring dari gerakan Islam seperti Ikhwan al-Muslimin dan Jamaat Islami banyak mempengaruhi perspektif dan amalan kesufian dalam gerakan yang bercorak reformis atau islah itu. Walaupun kurang mendapat sambutan daripada golongan akar-umbi di kampung-kampung, dokongan pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi dalam negara telah meletakkan ABIM yang diterajui oleh tokoh muda berkarismatik, iaitu Anwar Ibrahim ke tengah masyarakat. Manakala kebangkitan gerakan dakwah di kalangan pelajar Malaysia di luar negara pula telah melahirkan

¹⁷ Mahfuh Halimi (2001), ‘Da’wah Islamiah di Singapura: Kajian Kes ke Atas Pusat Pendidikan Andalus”, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Dakwah, FPI-UKM, h. 42-48.

¹⁸ Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: DBP, h. 288.

Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair

kumpulan dakwah yang dikenali sebagai IRC (1977) dan Suara Islam (1977) di United Kingdom. Kehadiran dua arus gerakan dakwah ini telah menjadikan gerakan dakwah di kalangan pelajar semakin berpengaruh di sepanjang 1970an.¹⁹

Perkembangan ini turut mempengaruhi parti-parti politik Melayu seperti Partai Islam SeMalaysia (PAS) dan United Malay National Organisation (UMNO) ke arah lebih bersikap Islamik dan responsif terhadap perkembangan dakwah semasa. PAS walaupun dipimpin oleh barisan ulama yang sebilangannya adalah pengamal tarekat tertentu mula bersikap lebih prihatin kepada fenomena kebangkitan Islam yang menuntutnya berubah ke arah sebuah harakah Islamiah yang tulin. Justeru itu, di akhir tahun 1970an, parti ini telah menukar kepimpinannya yang bercorak *ultra-Malay* kepada kepimpinan ulama, manakala UMNO pula ghairah memperkenalkan polisi penerapan nilai-nilai Islam atau Islamisasi pada awal 1980an.²⁰ Penghayatan UMNO terhadap Islam dan dakwah terus terpancar dalam pelbagai agensi yang ditubuhkannya sehingga parti nasionalis itu mendakwa telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang diakui oleh masyarakat antarabangsa.²¹ Secara ringkasnya, kedua-dua parti politik yang berpengaruh di kalangan orang Melayu ini terlibat secara langsung dalam gerakan dakwah Islamiah. Aplikasi dakwah dalam politik atau *politico-dakwah approach* ini semakin mendapat tempat dalam masyarakat. Adalah dijangkakan bahawa kejayaan dakwah tanahair pada masa depan banyak bergantung kepada peranan pro-aktif yang dimainkan oleh mereka.²²

JAMAAT TABLIGH DAN AL-ARQAM

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa fenomena kebangkitan Islam era 1970an diwarnai oleh kehadiran Jemaah Tabligh dan al-Arqam di dalam masyarakat.

¹⁹ Lihat perkembangan dakwah era 1970an dalam Muhammad Abu Bakar (1987), *Penghayatan Sebuah Ideal Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, Kuala Lumpur: DBP; Zainah Anwar (1987), *Islamic Revivalisme in Malaysia Dakwah Among the Students*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publication; Chandra Muzaffar (1987), *Islamic Resurgence in Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti; dan Judith Nagata (1984), *Reflowering of Malaysian Islam Modern Religious Radicals and Their Roots*, Vancouver: University of British Columbia Press.

²⁰ Untuk maklumat lanjut perkembangan dakwah selepas era 1970an, sila lihat Badlihisham Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia: A Change and Challenge in the Post Islamic Resurgence Period" dalam *Hamard Islamicus*, vol. XXII, No.1, h. 27-35.

²¹ "M'sia recognised as an Islamic state, says PM", *The Star*, 18 September 2002, h. 2.

²² Sila lihat prospek masa depan dakwah di Malaysia dalam Badlihisham Mohd Nasir, "Cabaran dan Masa Depan Gerakan Dakwah", *Pemikir*, Oktober-Disember 2001.

Penonjolan kedua-dua gerakan ini melalui imej masing-masing yang berjubah dan berserban mula mendapat perhatian masyarakat secara meluas. Pada peringkat awal, identiti mereka lebih kurang hampir sama sahaja sehingga agak sukar dibezakan di antara keduanya.

Penubuhan Jamaat Tabligh oleh Maulana Muhammad Ilyas (1885-1944) merupakan respon dakwah kepada gejala dan amalan khurafat di Mewat, India. Jamaat Tabligh bukanlah merupakan satu tarekat tasawuf dalam konteks pengertian tradisional seperti tarekat Qadiriyyah dan lain-lain, tetapi gerakan dakwah ini menumpukan kepada aspek pembinaan kerohanian ahli-ahlinya. Meskipun pengasasnya, Maulana Muhammad Ilyas merupakan seorang ahli tarekat Chistiyyah, Jamaat Tabligh bersikap terbuka dalam memanfaatkan amalan tarekat lain yang tersebar di India seperti Naqsyabandiyah dan Suhrawardiyyah. Sifat keterbukaan ini dikaitkan dengan ajaran Shah Waliullah al-Dihlawi yang dikatakan turut mempengaruhi sikap pengasasnya, Maulana Ilyas.²³ Walaubagaimanapun, amalan tarekat Jamaat Tabligh tidak banyak dicampuri oleh ajaran daripada Sheikh atau guru-guru tarekat yang menjadikan sumber kasyaf sebagai rujukannya. Ini mungkin disebabkan Jamaat Tabligh banyak berpegang secara langsung kepada sumber hadith dan perjalanan hidup para sahabat Rasulullah s.‘a.w..²⁴

Gerakan ini menggariskan beberapa prinsip utama iaitu iman, solat, ilmu dan zikir, penghormatan kepada orang Islam, niat yang ikhlas dan melapangkan waktu untuk melaksanakan tabligh. Secara umumnya, orientasi gerakan ini terhadap prinsip-prinsip di atas adalah bersifat tasawuf; iaitu dilihat dari sudut perbahasan dan semangat yang mendasari prinsip-prinsip berkenaan. Secara khusus, amalan kerohanian dalam gerakan ini dapat dilihat daripada aktiviti seperti zikir. Di antara zikir-zikir yang diamalkan ialah ucapan kalimah *tayyibah*, tasbih Fatimah, selawat dan istighfar. Namun, apa yang lebih penting penghayatan tasawuf dalam konteks gerakan ini adalah lebih bersifat amali, di mana para pendokongnya merujuk secara langsung kepada amalan para sahabat daripada menghabiskan masa membahaskan teori-teori berkaitan prinsip tersebut. Justeru itu, Jamaat Tabligh menjadikan buku-buku seperti *Hikayah al-Sahābah* dan *Hayāt Sahābah* sebagai rujukan asas dalam menemukan sifat dan amalan seperti tabah, sabar, taqwah, zuhud, wara’, taat, bersolat, berani, pengorbanan dan lain-lain. Pengikut diseru supaya mengamalkan sunnah

²³ Abdul Rahman Abdullah (1992), *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia Sejarah dan Pemikiran Jamaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, h. 1 dan 25.

²⁴ Maklumat lanjut mengenai tasawuf dalam Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (1979), *Syari‘ah wa al-Tariqah*, Qāhirah: Dār al-Rashid.

Rasulullah s.'a.w. seperti bersiwak dan berserban sehingga pengamalan sunnah-sunnah tersebut menjadi suatu budaya atau identiti gerakan ini.²⁵

Setakat ini, tiada kritikan serius dikemukakan terhadap amalan kesufian dalam Jamaat Tabligh kecuali terhadap penekanan gerakannya mengenai persoalan-persoalan kehidupan dan kemasyarakatan. Penglibatan dakwah Jamaat Tabligh dalam erti kata yang luas adalah terhad walaupun ia turut membahaskan bidang kehidupan masyarakat seperti ekonomi mengikut perspektif tasawuf sunni. Bahkan gerakan dakwah ini dianggap bersikap konservatif dalam memberi penyelesaian terhadap isu-isu semasa umat Islam. Pendekatan dakwahnya dianggap lebih menekankan kepada perkara asas atau sunat sehingga kadangkala didakwa bertanggungjawab menonjolkan imej Islam yang mundur dan kolot. Sebagai contoh, kerajaan negeri Melaka pernah melarang gerakan ini daripada menjalankan aktiviti dakwah di masjid-masjid di negeri tersebut justeru imej gerakan tersebut yang mundur. Namun demikian, Jamaat Tabligh masih bertahan dalam arus kebangkitan dakwah di Malaysia.²⁶ Walaupun penonjolannya tidaklah begitu meluas seperti gerakan dakwah yang lain, namun ia berjaya meluaskan pusat-pusat dakwahnya seperti dapat membina masjid di Seri Petaling sebagai pengkalan baru gerakannya mengantikan masjid India di Kuala Lumpur.²⁷

Al-Arqam ditubuhkan oleh sekumpulan pendakwah yang menganggotai kumpulan usrah Rumah Putih di Keramat pada akhir tahun 1960an. Walaupun pada peringkat awalnya al-Arqam mempunyai hubungan yang erat dengan Jamaah Tabligh, ia lebih bersikap proaktif dan progresif terhadap kehidupan semasa. Walaupun berorientasikan tasawuf, ia turut terlibat secara aktif dalam lapangan dakwah yang luas. Perspektif dakwah yang syumul ini hampir sama dengan pendekatan ABIM yang juga mempunyai hubungan baik dengan al-Arqam pada peringkat awal penubuhannya. Haluan perjuangan al-Arqam dapat dilihat daripada gagasan pemikiran ketuanya, Ustaz Ashari Muhammad sebagaimana yang dinyatakannya seperti berikut:

“Matlamat perjuangan kita ialah menegakkan kalimah Allah dalam diri, keluarga, rumah tangga, jemaah, kampung halaman, masyarakat, dalam pergaulan, pendidikan, dakwah, ekonomi, perubatan, perbidanan, politik, cara hidup sehari-hari, dalam kenduri-kendara, pertanian, penternakan

²⁵ Abdul Rahman Abdullah, *op.cit.* h. 98-104.

²⁶ *Ibid*, h. 105-106.

²⁷ Lihat di antara kajian mengenai kegiatan dakwah Jamaat Tabligh dalam Yusaini Yusof, “Metod Dakwah Jama’ah Tabligh: Kajian Kes di Masjid Sri Petaling Kuala Lumpur”, tesis M.A. Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, FPI-UKM, 2001.

Kalimah Allah ialah hukum Allah. Hukum Allah terbahagi kepada lima; wajib, haram,sunat, makruh dan harus. Jadi menegakkan hukum Allah ialah menegakkan kelima-lima hukum Allah dalam seluruh aspek kehidupan kita".²⁸

Aspek kesufian yang didasarkan kepada tarbiyyah menjadi landasan al-Arqam dalam mencapai cita-cita dakwahnya. Ia bertunjangkan ilmu fardhu ain yang meliputi bidang tauhid, fiqh dan tasawuf. Ia bermula dengan menghidupkan hati manusia dan membina peribadi yang baik melalui penanaman iman dan akhlak. Ahli-ahlinya diseru membersihkan hati daripada sifat-sifat *madhmūmah* dan mengisikannya dengan sifat-sifat *māhmūdah*. Berbekalkan kekentalan aspek spiritual ini, al-Arqam meminta ahli-ahlinya berkorban dalam melaksanakan dakwah secara lebih praktikal dengan merintis sendiri institusi pendidikan, ekonomi dan sosialnya yang tersendiri. Di antaranya ialah dengan mendirikan pusat kegiatan dakwahnya di Sungai Penchala dan Kampung Sempadan yang memuatkan berbagai institusi dan melaksanakan berbagai-bagai aktiviti. Pendekatan al-Arqam, khususnya dalam memantapkan ekonominya telah berjaya menonjolkannya sebagai sebuah gerakan dakwah yang berpengaruh di kalangan orang-orang Melayu.²⁹

Namun demikian, konsep dan peranan tasawuf sebagai teras kebangkitan dakwah al-Arqam dipertikaikan apabila gerakan ini dikaitkan dengan Aurad Muhammadiyah yang didakwa bercanggah dengan ajaran sufi Islam yang sebenar. Isu ini timbul apabila Akhbar Anang mempersoalkan amalan tarekat Muhammadiyah dan silat sunda ghaib pada tahun 1979. Beliau mendakwa bahawa Ashaari mempercayai bahawa Sheikh Suhaimi tidak mati, bahkan akan datang semula sebagai Imam Mahdi. Namun demikian, Ustaz Ashaari menafikan dakwaan tersebut dan menganggapnya sebagai fitnah untuk menjatuhkannya. Tuduhan ini timbul semula pada tahun 1986, di mana timbalan Sheikh al-Arqam, Ustaz Mokhtar Yaakub mendakwa bahawa ustaz Ashaari masih berpegang kepada kepercayaan lamanya mengenai Imam Mahadi. Ramai tokoh al-Arqam, misalnya seperti Ustaz Mohd Roshdi Yusoff meninggalkan gerakan itu kerana tidak bersetuju dengan penyelewengan akidah yang berlaku dalam al-Arqam.³⁰ Peristiwa yang berlaku dalam al-Arqam menggambarkan betapa amalan tasawuf berdasarkan Aurad Muhammadiyah telah menjadikan pengikut gerakan ini terlalu bersikap taksub dengan Ustaz Ashaari.

²⁸ Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia*; h. 80.

²⁹ Lihat Muhammad Syukri Salleh (1992), *An Islamic Approach to Rural Development - the Arqam Way*, London: Asoib.

³⁰ Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia*; h. 115-118

Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair

Akhirnya al-Arqam ia diharamkan pada tahun 1994 oleh pihak berkuasa agama Islam Malaysia iaitu menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Fenomena yang menimpa gerakan ini dijelaskan oleh Dr Abdul Hayei Ab. Sukor, seorang tokoh akademik dan bekas Prof. Madya dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sebagai; “apa yang berlaku dalam al-Arqam ini tidak pernah berlaku dalam mana-mana kumpulan Islam di abad ini.”³¹ Namun demikian, terdapat juga usaha-usaha untuk menghidupkan kembali gerakan ini sama ada dalam bentuk yang formal ataupun sekadar mengembangkan semangat dan ideologi al-Arqam yang lama.³² Sebagai contoh, kewujudan Rufaqa Corporation yang diperbadankan sebagai sebuah syarikat pada tahun 1997 oleh ahli-ahli al-Arqam telah menjadi landasan kesinambungan orientasi kesufian dalam al-Arqam. Menurut Prof. Muhammad Syukri Salleh, tumpuan aspek hubungan di antara manusia dengan Allah atau taqwa merupakan landasan kejayaan bagi ahli-ahli al-Arqam dalam menonjolkan perniagaan yang berteraskan Islam berbanding dengan agensi perniagaan gerakan Islam lain yang lebih bergantung kepada faktor quwwah.³³ Namun demikian, masyarakat dikejutkan dengan isu perjalanan ke alam barzakh di dalam kubur buatan manusia oleh Rufaqa di Country Homes, Rawang. Akhbar-akhbar rasmi menyiarkan kenyataan ahli politik dan pihak berkuasa agama yang mendakwa perbuatan tersebut sebagai bertentangan dengan syariat Islam. Bagi bekas ahli al-Arqam pula, mereka tetap berpendapat bahawa pertunjukan kerohanian tersebut adalah sebagai salah satu usaha dakwah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat.³⁴

Secara ringkas, konsep dan amalan tasawuf adalah amat penting dalam kedua-dua gerakan Jamaat Tabligh dan al-Arqam. Jamaat Tabligh walaupun tidak begitu menonjol dalam usaha dakwah yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan berjaya berkembang secara beransur-ansur dalam masyarakat Islam di Malaysia. Ini mungkin disebabkan amalan tasawufnya yang bercorak terbuka atau hanya menitikberatkan kepada tasawuf sunni dalam bentuk yang sederhana yang tidak mengundang banyak kontroversi seperti yang berlaku kepada al-Arqam. Al-Arqam, walaupun bangkit sebagai sebuah gerakan dakwah yang amat berpengaruh, ia akhirnya terpaksa dibubarkan justeru amalannya yang didakwa bercanggah dengan amalan tasawuf sunni semasa atau tasawuf rasmi pemerintah.

³¹ Lihat JAKIM (1986), *Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam*, Kuala Lumpur: JPM, dan Zabidi Mohamed (1998), *Arqam Tersungkur di Pintu Syurga*, Kuala Lumpur: Zabidi Publication.

³² Lihat Ahmad Fauzi Hamid Abdul Hamid (1999), *Malaysia Daulah Pemuda Bani Tamim Rahsia Keagungan Ummah*, Kuala Lumpur: Abuku Hebat.

³³ Muhammad Syukri Salleh, “Perniagaan Gerakan-gerakan Islam di Malaysia”, *Pemikir*, Januari - Mac 2003, h. 180.

³⁴ *Berita Harian*, 22 Ogos 2002.

ABIM dan JIM

ABIM atau Angkatan Belia Islam Malaysia adalah merupakan wadah gerakan Islam kepada bekas aktivis pelajar di institusi pengajian tinggi khususnya PKPIM. Ia ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan belia yang didokongi oleh tenaga intelektual muda yang terkenal seperti Anwar Ibrahim, Fadhil Noor, Ab. Hadi Awang dan Siddiq Fadhil. Latar belakang kepimpinan dan keahlian ABIM yang ditarik gabungan intelektual dan tokoh agama ini menjadikannya sebagai sebuah gerakan Islam yang paling popular di era kebangkitan Islam tahun 1970an. Sebagai sebuah gerakan dakwah semasa, ABIM terpengaruh dengan manhaj kesufian Ikhwan al-Muslimun yang dianggap sebagai model gerakan dakwah yang *moderate* dan bersistematis itu. Ini dapat dilihat daripada enam tahap pendekatan ABIM yang menyamai manhaj perjuangan Ikhwan yang diutarakan oleh Hassan al-Banna, iaitu; pertama, membina sahsiah Islamiah, kedua membina keluarga Islam, ketiga, membina ummah Islamiah, keempat, membina Daulah Islamiah, kelima, membina Dunia Islam dan keenam, membina Khilafah Islamiah.³⁵

Penekanan aspek utama iaitu ke arah pembinaan sahsiah Islamiah menyebabkan ABIM memberikan tumpuan kepada proses tarbiyah dalam konteks harakah Islamiah. Ia menekankan aspek pembinaan iman (*al-jānib al-īmāni*) menerusi ketekunan beribadat (*tanassuk taqarrub*) dan mendekati Allah dengan menegakkan syiar-syiarnya. Tarbiyah dalam konteks harakah juga harus menyeluruh, mencakupi aspek-aspek rohani, jasmani dan akli serta menggenapi semua bidang kehidupan; politik, sosial, jihad dan lain-lain. Tarbiyah dalam bentuk ini diharap dapat membina suatu kelompok terpilih (*al-safwah al-mukhtārah*) yang melahirkan para da'i beroreintasi; *sufiyyun bihaithi mina 'n-nahiyati ruhiyyah wa 'askariyyun baht mina 'n-nahiyati l-amaliyyah* (orientasi sufi semurninya dari segi kerohanian dan ketenteraan setulennya dari segi kerja dan tindakan).³⁶

Berlainan dengan al-Arqam, ABIM tidak memilih mana-mana model tarekat tasawuf tempatan, sebaliknya mengikuti manhaj *tarbiyyah rūhiyyah* Ikhwan dalam rangka membina kerohanian ahlinya sebagai persiapan untuk berdakwah. Hasilnya ABIM mengikuti proses tarbiyah Ikhwan melalui usrah, bacaan *ma'thūrat, qiyām al-layl*, rehlah dan lain-lain kegiatan.³⁷ Asuhan *tarbiyyah rūhiyyah* dalam ABIM membentuk sikap dan pendekatan yang lunak dalam berdakwah. ABIM amat menitikberatkan akhlak yang murni dalam menonjolkan imej pendakwah yang

³⁵ Siddiq Fadhil (1989), *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM*, Dewan Pustaka Islam, h. 4.

³⁶ *Ibid*, h. 18.

³⁷ *Ibid*, h. 19.

mithali. Gerakan ini menolak pendekatan keras dan kasar dalam berdakwah, sebaliknya menekankan aspek hikmah dan lemah lembut sebagaimana prinsip yang ditekankan oleh Hassan al-Banna berikut: "jadilah seperti pohon yang dibaling orang dengan batu tetapi ia menggugurkan buah buat mereka (*kunu ma'a ka'sh-syajar yarmunahu bi al-hajar yarmihim bi al-thamar*). Bagi ABIM, ahlinya bukanlah seorang penghukum, tetapi adalah seorang pendakwah yang menyebarkan kesejahteraan di muka bumi. Oleh itu, ABIM tidak tertarik untuk berdakwah secara retorik sebaliknya bergerak aktif dalam kegiatan kemasyarakatan bagi menarik seramai mungkin khalayak kepada Islam.³⁸

Selaras dengan dasar non-partisan yang telah menjadi dasar utama gerakan dalam menangani perkembangan dakwah semasa, ABIM telah melaksanakan strategi dakwah secara lebih berhikmah dan berkesan. ABIM telah melakukan pemindahan pemimpin dan ahlinya ke dalam PAS dan UMNO. Pemindahan pertama berlaku pada akhir 1970an, di mana beberapa tokohnya seperti Fadhil Noor dan Abdul Hadi Awang telah menyertai PAS. Pemindahan kedua pula dipelopori oleh Anwar Ibrahim yang menyertai UMNO pada tahun 1982. Kedua-dua *blood transfusion* bagi melaksanakan dakwah dan tarbiyah dalam organisasi politik itu telah mempengaruhi sikap dan operasi kedua-dua parti tersebut terhadap amalan kerohanian Islam itu sendiri. Pelaksanaan konsep kepimpinan ulama dalam PAS dan penerapan nilai-nilai Islam dalam UMNO secara tidak langsung menggambarkan beberapa dasar dan konsep tasawuf moden ABIM, khususnya berkaitan dengan *tarbiyyah rūhiyyah* telah menjalar dalam arus perdana politik negara.³⁹

Kebangkitan ABIM dibayangi oleh penubuhan JIM (Jemaah Islah Malaysia) pada tahun 1990 yang turut menggabungkan kepimpinan intelektual dan tokoh agama dalam gerakan dakwahnya. JIM adalah wadah yang didakwa sebagai lanjutan daripada IRC (Islamic Representatif Council) atau Majlis Syura Muslimun di luar negara.⁴⁰ Ia kemudiannya didokongi oleh golongan professional lepasan institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara serta kini mula mendapat sambutan masyarakat, khususnya di bandar-bandar. Menurut Sahri Bahri, JIM ditubuhkan sejajar dengan tuntutan kebangkitan Islam yang memerlukan pendekatan yang agak *moderate*, berdaya maju dan professional dalam menangani permasalahan umat dan

³⁸ *Ibid.*, h. 77.

³⁹ Lihat Jomo Kwame Sundaram dan Ahmad Shabery Cheek, "The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence" dalam *Third World Quarterly*, April 1988, vol. 10, no. 2, h. 843-868.

⁴⁰ Ann Wann Seng, "Gerakan Sosio-Agama di Malaysia", *Tasawwuf Islam*, jld. 4.98/99, h. 25-40.

masyarakat. JIM menafikan tuduhan bahawa penubuhannya adalah untuk bersaing dengan gerakan dakwah yang sedia wujud, tetapi ingin melaksanakan misi "islah" atau "reformasi" di dalam masyarakat. Menurut bekas Presidennya Saari Sungib, 'islah' membawa pengertian yang luas. Di antaranya firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf, ayat 56 yang melarang setiap individu dari percubaan merosakkan mana-mana aspek kehidupan masyarakat yang positif atau yang telah diislahkan. Namun, seluas mana erti dan implikasi yang dibawa oleh perkataan itu, maka seluas itu jugalah peranan yang akan dimainkan oleh JIM. Secara umum, misi atau proses islah JIM terbahagi dalam dua dimensi. Pertama, ia merujuk kepada memperbaiki kecacatan dalam ummah dan negara dan menghalangnya daripada berulang. Kedua, islah diooperasikan untuk terus membangunkan potensi dan kekuatan-kekuatan yang ada dalam masyarakat.⁴¹

Perspektif tasawuf JIM secara umumnya hampir sama dengan ABIM. Ini dapat dilihat daripada penekanan gerakan ini kepada manhaj tarbiyah Ikhwan al-Muslimun. Gerakan ini juga mengamalkan zikir *ma'thūrat* dan *qiyām al-layl* menerusi pelaksanaan program-program yang sistematik bagi meningkatkan mutu kerohanian dan dakwah secara berorganisasi. Justeru itu, tidak terdapat sebarang unsur tarekat tradisional dipraktikkan secara rasmi dalam organisasi ini kecuali amalan ahli-ahlinya sahaja.⁴² Suatu perkara yang mungkin membezakannya sedikit antara JIM dengan ABIM ialah konsep dakwah JIM amat dipengaruhi oleh pendekatan harmonis dan sederhana. Jika ABIM didakwa mirip kepada PAS, khususnya di sepanjang tahun 1970an, JIM berjaya menonjolkan konsep non-partisannya dalam dakwah. Di samping itu, masyarakat mengenali JIM melalui peranan dakwah ahli-ahli profesionalnya dalam bidang-bidang kebajikan dan pendidikan. Hal ini mungkin bertolak daripada tumpuan terhadap konsep *ummah centric* dan *non-confrontational* yang mungkin mempunyai persamaan dengan pendekatan dakwah gerakan sufi di Alam Melayu, yang amat mementingkan faktor keharmonian itu.⁴³ Namun demikian, imej *moderate* JIM sedikit sebanyak terjejas apabila Presidennya, Saari Sungib

⁴¹ Muzawati Jubri (2001), "Dasar dan Pemikiran Dakwah Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)", Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam UKM, h. 18.

⁴² Lihat gagasan tarbiyah JIM dalam Saari Sungib dan Aliza Jaafar (1994), *Bimbingan Tarbiyyah Panduan Pembinaan Diri dan Penggerak Aktivisme JIM*, Kuala Lumpur: JIM, dan Saari Sungib dan Aliza Jaafar (1994), *Bimbingan Tarbiyyah Landasan Program dan Beberapa Kajian Kes Pengoperasian Amal*, Kuala Lumpur: JIM.

⁴³ Muzawati Jubri, *op.cit.*, h. 58. Lihat juga Rinda Hamin (2001), "Metodologi Dakwah: Kajian Perbandingan di Antara PAS dan JIM", Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam UKM.

Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair

terlibat dalam gerakan reformasi dan pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).⁴⁴

ABIM dan JIM adalah gambaran pelaksanaan dakwah moden yang telah menjadikan tasawuf sebagai teras kebangkitan mereka dalam masyarakat. Selaku gerakan islah, mereka telah meninggalkan pendekatan tasawuf tradisional yang menghidupkan gerakan tarekat dan amalan-amalannya. Ia lebih menumpukan usaha-usaha dakwah semasa yang melibatkan seluruh bidang kehidupan. Sekiranya Jamaat Tabligh dan al-Arqam lebih menonjolkan aktiviti kerohanian mereka, ABIM dan JIM lebih menjuruskan kegiatan mereka kepada aktiviti-aktiviti dakwah yang menyentuh kehidupan semasa, yang dipaksikan kepada dasar akhlak Islamiah. Walaupun aktiviti kerohanian dalam ABIM dan JIM tidak begitu menonjol, mereka berjaya membawa tasawuf dalam konteks *tarbiyyah rūhiyyah* sebagai suatu unsur yang berupaya menjana kebangkitan gerakan dakwah mereka.

PAS dan UMNO

PAS adalah sebuah parti yang menjadikan Islam sebagai dasar perjuangannya dan dianggotai oleh majoriti para ulama tanahair. Oleh itu, ia secara langsung membabitkan tasawuf sebagai salah satu elemen dalam perjuangan politiknya. Sebagaimana yang disentuh di awal rencana ini, Dr. Burhanuddin al-Helmi seorang ahli tarekat Naqsyabandiyah telah mencetuskan idea penubuhan Kongres Ahli-ahli Tarekah Sufiyah Seluruh Malaya pada tahun 1960. Pemikiran tasawuf dakwah Dr. Burhanuddin dapat dilihat dalam pesanan beliau kepada pengamal tarekat tasawuf tanahair seperti berikut;

“Dalam meneruskan jihad tarikat [tarekah] tasawuf ini susunlah lebih kemas lagi perpaduan dan siarkan pelajaran-pelajaran tasawuf itu mengikut adab dan akhlak ahli tasawuf. Jangan tiru-tiru ahli Fiqah. Biarkanlah ahli fiqh dengan gelanggangnya. Tetapi ahli tasawuf jangan tak bergelanggang! Mestilah ada bergerak dalam gelanggangnya. Adakan yayasan dan perguruan tasawuf secara zaman ini; jangan jadi pak turut sahaja. Islam membenci pak turut dan taqlid buta. Semua ahli tasawuf mestilah betul-betul menjadi *al-Tabi'in al-'Arifin al-Sadiqin*.⁴⁵

⁴⁴ Saari Sungib (2003), *Malaysia Boleh SB Lagi Boleh*, Kuala Lumpur: Four Approach Sdn. Bhd.

⁴⁵ Burhanuddin al-Helmy (1966), *Symposium Tasawuf dan Tariqah*, Pulau Pinang: The United Press, h. 75.

Secara organisasi, PAS mula secara aktif cenderung ke arah pembinaan sebuah harakah Islamiah apabila kepimpinan ulama menguasai parti tersebut pada awal tahun 1980an. Kepimpinan ulama, khususnya yang terdiri daripada kalangan pimpinan ABIM telah menyuntik fikrah dan pendekatan gerakan Islam Ikhwan al-Muslimun ke dalam parti politik tersebut. Walaupun aliran dakwah ini pernah dipopularkan oleh Prof. Zulkifli Muhammad di sepanjang tahun 1960an, PAS mula serius dalam usaha dakwah secara rasmi apabila memperuntukkan dalam perlombagaan partinya satu *clause* berbunyi ‘menyeru manusia kepada syariat Allah dan sunnah Rasulnya menerusi dakwah dalam bentuk perkataan, tulisan dan amalan’. Dalam konteks perjuangan Islam semasa, PAS memilih pilihanraya sebagai wadah atau platform bagi menyampaikan dakwah dan menguasai politik negara. Pilihanraya dianggap sebagai suatu manifestasi konsep *muwajahah silmiyyah* berpaksikan hikmah dan maslahah dakwah yang mementingkan keamanan masyarakat sejagat. Justeru itu, PAS menolak sebarang pendekatan revolusi atau yang bercanggah dengan peruntukan undang-undang negara. Pendekatan ini dianggap penting dalam usaha menyampaikan dakwah dengan jelas dan berterus terang kepada masyarakat menerusi penyebaran mesej perjuangan parti dan penglibatan ahli-ahlinya dalam masyarakat itu sendiri.⁴⁶

Hampir sama seperti ABIM, PAS tidak menampilkan sebarang doktrin tarekat bagi menyuburkan pembangunan kerohanian para pengikutnya dan masyarakat. Tetapi ia tidak menyekat anggotanya menyertai mana-mana tarekat sufi, asalkan ia tidak bertentangan dengan syariat Islam dan masih melibatkan diri secara aktif dalam politik kepartian. Secara umumnya, gerakan ini banyak dipengaruhi oleh Ikhwan al-Muslimin dalam melaksanakan program-program kerohanian serta agak keras menentang penyelewengan gerakan tarekat tasawuf yang sesat. Oleh itu, PAS juga menganjurkan *tarbiyyah rūhiyyah* menerusi aktiviti-aktiviti yang hampir sama dengan ABIM dan JIM. PAS mengkritik golongan pengamal tarekat tasawuf yang tidak mempedulikan kepentingan dan perkembangan politik semasa. Sikap PAS terhadap al-Arqam dan Jamaat Tabligh adalah hampir sama dengan sikap yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap gerakan-gerakan tersebut walaupun ia tidaklah sampai ke peringkat menghalang aktiviti gerakan dakwah berkenaan.

Amalan kesufian parti ini boleh dirujuk kepada kepimpinan ulamanya yang berusaha menjalani kehidupan seperti seorang ahli sufi. Tuan Guru Dato' Haji Nik Ab. Aziz Nik Mat dan Dato' Seri Haji Ab. Hadi Awang adalah dua orang tonggak

⁴⁶ Badlihisham Mohd Nasir (2000), “Dakwah Gerakan Islam Tanahair: Sorotan Terhadap PAS, ABIM dan JIM” dalam *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, h. 10-11.

Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair

pemimpin PAS yang memaparkan amalan dan kehidupan kerohanian yang menjadi sumber inspirasi para penyokong parti tersebut. Kedua-dua tokoh ini mencetuskan ‘*reverse psychology*’ dalam masyarakat apabila menyeru masyarakat supaya menghayati kehidupan zuhud para Rasul a.s. dan tidak hanya menganggap kejayaan dan kemajuan itu dari sudut perhitungan material semata-mata. Pendekatan mereka tidaklah bermaksud menolak pembangunan ekonomi yang menjadi nadi kepada perkembangan dakwah sejagat. PAS turut melaksanakan projek-projek ekonomi sama ada di dalam partinya atau di negeri-negeri yang dikuasainya.⁴⁷

Namun apa yang penting ialah sejauhmana sikap dan sifat kerohanian itu dapat digunakan sebagai asas dalam menentukan pembangunan dunia. Justeru itu, imej dan fungsi Tok Guru tetap dipertahankan oleh parti dalam menonjolkan kekuatan PAS sama ada dari segi spiritual maupun material. Sebagai contoh, Ismail Yusof mengakui kehebatan peribadi Tuan Guru Dato’ Haji Nik Ab. Aziz yang berhemah tinggi, merendah diri, berpendirian sederhana dan zuhud sebagai tonggak kekuatan PAS. Apa yang lebih penting dan mengagumkan menurut beliau ialah tokoh ini diiktiraf sebagai tokoh yang berusaha membawa masyarakat menuju kepada konsep *God-centricity* dalam semua aspek kehidupan.⁴⁸ Hakikat ini menjelaskan secara praktikal bagaimana unsur ketuhanan atau *rabbani* dapat dilaksanakan di tengah masyarakat moden yang semakin terhimpit oleh arus materialistik dan hedonisme. Walaupun imej sufi Tok Guru sering dikaitkan dengan unsur kolot dan ekstremis, Tuan Guru Nik Ab. Aziz dan Haji Ab. Hadi terus bersemangat untuk menerapkan unsur ketuhanan ini dalam masyarakat yang didakwa mahu kembali kepada penghayatan Islam yang menyeluruh.⁴⁹

Walaubagaimanapun, parti PAS tidak terlepas daripada kritikan, khususnya mengenai tingkahlaku pemimpin dan ahlinya yang didakwa tidak mencerminkan imej keIslam yang sebenar. Tingkah laku tersebut didakwa menjelaskan PAS sebagai sebuah gerakan dakwah yang diterajui oleh kepimpinan ulama. Di antara kritikan tersebut ialah yang merujuk kepada sikap biadap segelintir tokoh-tokoh

⁴⁷ Lihat usaha ekonomi PAS dan gerakan dakwah dalam Badlihisham Mohd Nasir dan Ideris Endot, ‘Peranan Gerakan Dakwah Pelaksanaan Sistem Ekonomi di Malaysia: Kajian Kes Institusi Al-Rahn Kerajaan Negeri Terengganu’, kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Antarabangsa Pengajaran Dakwah Malaysia-Indonesia* anjuran Jabatan Pengajaran Dakwah, Fakulti Pengajaran Islam, UKM dan Universiti Muhammadiyyah Sumatera Utara di Hotel Garuda, Medan, Indonesia pada 18 Mei 2002.

⁴⁸ Ismail Yusof, “Nik Aziz: Pemikiran dan Penglibatan Politik”, dalam *PEMIKIR*, Oktober-Disember 2000, h. 80

⁴⁹ “A Death Hurts The Islamic Opposition” dalam *Far Eastern Economic Review*, July 4 2002, h. 15.

pemimpinnya yang mengeluarkan kata-kata kesat dan tidak senonoh kepada lawan politik mereka. Profesor Dr. Firdaus Abdullah merekodkan bahawa al-Marhum Dato' Fadhil Noor, bekas Presiden PAS secara berulang-ulang menggunakan perkataan "Kepala Bapak" dan "Kepala Hotak" di dalam satu ceramahnya. Muhammad Sabu pula didakwa pernah menggunakan istilah-istilah kurang manis seperti "jubur", "jilat punggung" dan insinasi lucu serta mempermain-mainkan pemimpin negara seperti Tun Ghafar dengan panggilan "bodoh" serta "hodoh".⁵⁰ Walaupun PAS mendakwa bahawa istilah-istilah sedemikian boleh digunakan sekiranya sesuai dengan konteks ataupun ia kadangkala diputarbelitkan oleh parti lawan bagi menunjukkan kelemahannya, PAS perlu menyedari bahawa ia adalah sebuah parti politik Islam yang perlu menghindari isu-isu yang merosakkan "*thiqah al-dā'iyyah*" (kewibawaan pendakwah) sesebuah organisasi dakwah.

UMNO adalah sebuah parti nasionalis pragmatik yang kurang ditarik oleh pemimpin-pemimpin yang berlatarbelakangkan agama seperti lain-lain gerakan dakwah yang dibincangkan sebelum ini. Walaupun sering dikritik sebagai sebuah parti nasionalis sekular, UMNO mempunyai persepsi dan sejarahnya yang tersendiri dalam konteks kebangkitan unsur tasawuf di dalam organisasi berkenaan. Secara dasarnya parti ini menjadikan Islam sebagai sebahagian daripada perjuangannya iaitu menegakkan agama, bangsa dan negara. Matlamat parti yang sedemikian menyebabkan UMNO menubuhkan Biro Agamanya yang berfungsi secara langsung dalam menangani persoalan berkait dengan hal-hal agama Islam. Di samping itu, perhatian UMNO terhadap isu dakwah menyebabkan Perdana Menteri Pertama, YM Tunku Abdul Rahman menubuhkan PERKIM (Persatuan Kebajikan Islam Malaysia) pada tahun 1963. Melalui PERKIM, saudara-saudara baru diberi didikan keagamaan termasuk dalam aspek pembinaan kerohanian mereka. Dakwah PERKIM terhad dalam batas penyebaran agama Islam kepada saudara baru dan usaha menjaga kebijakan mereka sahaja. YM Tunku Abdul Rahman melarang PERKIM daripada terlibat dalam mana-mana kegiatan politik.⁵¹

Seperti PAS, parti ini memberi kebebasan sepenuhnya kepada ahlinya untuk melibatkan diri dalam tarekat sufi dengan syarat ia tidak berlawanan dengan tuntutan syariat dan undang-undang negara. Peranan UMNO dalam memajukan unsur kesufian, khususnya yang menyentuh aspek akhlak di dalam kerajaan dapat dilihat daripada Polisi Penerapan Nilai-nilai Islam yang diperkenalkan pada awal tahun 1980an. Ia dianggap sebagai pengukuhan kepada dasar kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad (sekarang Tun) yang memperkenalkan polisi Bersih, Cekap,

⁵⁰ Berita Harian, 29 Julai 1999.

⁵¹ New Straits Times, 15 Mei 1979.

Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair

dan Amanah di awal perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri. Masyarakat dan kakitangan awam khususnya, diminta mengamalkan nilai dan ciri-ciri akhlak mulia Islam dalam pentadbiran dan pengurusan. Arus Islamisasi dalam kerajaan diperkuatkan lagi dengan kehadiran Anwar Ibrahim, bekas Presiden ABIM ke dalam UMNO pada tahun 1982. Beliau menjadi mentor kepada penubuhan institusi-institusi Islam khususnya dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), sebagai contoh, dikenali sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Islam yang menitikberatkan soal pentarbiyanah akhlak kepada pelajar-pelajarnya. Di awal penubuhan universiti ini, pelajar-pelajarnya diwajibkan menghadiri usrah, *qiyām al-layl* dan aktiviti-aktiviti lain yang merangsang ke arah pemantapan dimensi kerohanian insan. Kegiatan dakwah dalam kerajaan dijanakan seterusnya oleh pelbagai institusi dan agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Institut Latihan Dakwah Islam Malaysia (INDAH), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Agama, Majlis Agama dan lain-lain.⁵² Melalui institusi seperti inilah UMNO, selaku tulang belakang kerajaan berdakwah menerap dan menyebarkan konsep tasawuf yang lebih mirip kepada aspek pembinaan akhlak itu sendiri kepada masyarakat.

Berbanding dengan gerakan-gerakan dakwah yang dibincangkan sebelum ini, akhir-akhir ini UMNO lebih banyak menerima kritikan, khususnya mengenai dasar dan pendekatannya terhadap tasawuf dan dakwah Islamiah. Parti ini didakwa tidak ikhlas dalam berdakwah. Dasar penerapan nilai-nilai Islamnya dilihat tidak lebih daripada usaha untuk memenangi sokongan orang-orang Melayu Islam sahaja. Menurut PAS, ia tidak bertolak daripada dasar *hidāyah* (dibimbing oleh Tuhan) tetapi didorong oleh dasar *jibāyah* (tunduk kepada tekanan). Profesor John L. Esposito seorang orientalis yang kerap diundang oleh IKIM, mengulas bahawa usaha UMNO adalah suatu respon kepada kebangkitan Islam sejagat, di mana regim atau pemerintah di negara umat Islam perlu bersikap lebih Islamik bagi membendung kebangkitan gerakan Islam sejagat.⁵³ Dari sudut sejarah, unsur-unsur responsif terhadap kebangkitan Islam ini sering dirujuk kepada kenyataan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn pada tahun 1979 seperti berikut;

“You may wonder why we spent so much money on Islam... if we don’t, we face two major problems. First. Party Islam will get at us. The party will,

⁵² Lihat Ibrahim Ahmad (1989), *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, Selangor: IBIS, dan Mohd Kamal Hassan, “Malaysia” dalam J.L. Esposito, (ed) (1995), *Encyclopaedia of Modern Islam*, vol. 3, Oxford: Oxford University Press.

⁵³ J.L. Esposito (1995), *The Islamic Threat Myth or Reality?*, New York: Oxford University Press, h. 12.

and does, claim we are not religious and the people will lose faith. Second, we are to strengthen the faith of the people, which is another way to fight communist ideology".⁵⁴

Dasar dan pendekatan UMNO terhadap Islam mula dibahaskan secara terbuka oleh orang Melayu khususnya selepas peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dari kabinet pada tahun 1998. Program Islamisasi yang diperkenalkan oleh parti nasionalis itu dilihat sebagai kehilangan seorang tokoh gerakan dakwah yang terkemuka. Tanpa tokoh yang menonjolkan imej sufi dan zuhud seperti dalam PAS dan lain-lain gerakan dakwah di atas, matlamat mendirikan sebuah negara *madani* yang berteraskan keutuhan akidah dan kemuliaan akhlak agak sukar dicapai. Ciri-ciri tasawuf moden yang cuba diterapkan melalui proses Islamisasi ini dikatakan menemui jalan mati. Ini ditambah lagi dengan pendekatan semasa UMNO yang didakwa bersikap anti kepada pelaksanaan syariat Islam seperti hukuman *Hudud* serta memandang remeh terhadap penularan unsur-unsur maksiat yang semakin subur di negara ini. Arak, judi dan pusat-pusat hiburan semakin berleluasa. Ahli-ahli UMNO dikatakan terlalu materialistik sehingga terlibat dalam skandal rasuah dan politik wang.⁵⁵ Isu-isu seperti ini menimbulkan persoalan khususnya di kalangan mereka yang mahu melihat intipati tasawuf yang biasanya terpapar dalam kemuliaan akhlak, menjadi amalan pendokong sebuah parti Islam terbesar di dunia seperti UMNO.

Walaubagaimanapun, UMNO tetap menegaskan bahawa ia akan terus berjuang untuk agama Islam sesuai dengan perubahan dan tuntutan semasa. Dato' Nakhaie Ahmad, bekas Naib Presiden PAS yang menyertai UMNO mempertahankan dakwaan-dakwaan negatif ini dengan menyatakan bahawa pendekatan UMNO adalah selaras dengan al-Quran yang menganjurkan method dakwah secara beransur-ansur dan bijaksana.⁵⁶ Menurut Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman pula, apa yang diperjuangkan oleh UMNO kini adalah bagi mencapai matlamat *Islam Hadari* iaitu Islam Peradaban, sedangkan amalan tarekat tasawuf sebenarnya telah dilaksanakan

⁵⁴ J. O. Voll (1982) *Islam: Continuity and Change in the Modern World*, Colarado: Westview, h. 332.

⁵⁵ Sebahagian daripada isu yang melanda UMNO dibahaskan oleh Zakaria Stapa, "Akhlak Islam: Landasan Bertolak Perpaduan Ummah" dalam Ahmad Sunawari Long dll. (ed.)(2002), *Perpaduan Ummah Realiti dan Cabaran*, h. 78-88.

⁵⁶ Nakhaie Hj. Ahmad, "Keutamaan Melaksanakan Syiar Islam Mengikut al-Quran" dalam *Berita Harian*, 5 September 2002. Lihat juga pandangan beliau dalam "Jihad Guru Agama Dalam Pembentukan Bangsa Melayu dan Pembentukan Negara Islam Maju", kertas kerja dibentangkan dalam *Kursus Khas Perdana (Pendidikan Islam) Peringkat Negeri Melaka*.

secara tidak langsung. Ini adalah disebabkan erti ‘tarekat’ itu merujuk kepada mana-mana jalan atau cara menghampirkan diri kepada Allah SWT. Beliau mengemukakan contoh mudah amalan tarekat iaitu wirid selepas sembahyang yang diamalkan oleh masyarakat Islam di negara ini. Apa yang penting tegas beliau adalah sejauhmanakah sumbangan unsur-unsur tasawuf atau kerohanian dapat digunakan bagi mencapai kedudukan sebuah negara yang bertamadun dan maju pada zaman moden hari ini.⁵⁷

Ringkasnya kedua-dua parti PAS dan UMNO adalah dua buah parti politik yang sedang bersaing dalam memenangi hati umat Islam khususnya melalui isu-isu Islam semasa. Kedua-duanya berdakwah bagi menyebarkan agama Islam dan juga untuk menarik sokongan masyarakat kepada parti masing-masing. PAS sebagai sebuah parti yang berteraskan Islam cuba menghayati konsep tasawuf Islam tanpa merujuk kepada pendekatan mana-mana tarekat tradisional. Namun demikian, PAS dapat menonjolkan pemimpin utamanya sebagai seorang tokoh sufi yang dihormati ramai. Ini agak berbeza dengan UMNO yang sukar mencari seorang tokoh sufi yang zuhud dan berpengaruh dari sudut keilmuan Islamnya. Ini mungkin kerana UMNO mempunyai persepsi tasawuf yang mudah iaitu hanya merujuk kepada pembinaan akhlak dan kerohanian yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan sebuah negara moden. Justeru itu, isu menonjolkan tokoh atau organisasi agar ia selaras dengan pendekatan tarekat tasawuf tradisional yang mewarnai kebangkitan Islam di negara ini bukanlah menjadi persoalan utama dalam dakwahnya.

KESIMPULAN

Berdasarkan dari sorotan yang telah dibentang, dirumuskan tasawuf jelas memainkan peranan yang penting dalam gerakan dakwah tanahair. Sumbangannya sama ada dalam bentuk sebuah gerakan tasawuuf, ahli sufi atau unsur dan amalan tasawuf yang dijadikan nadi gerakan dakwah moden adalah suatu hakikat yang wujud di negara ini. Secara umumnya, unsur tasawuf yang merupakan tuntutan tertinggi dalam hierarki kesempurnaan Islam itu bertanggungjawab menjana kebangkitan Islam dalam seluruh ruang lingkup kehidupan manusia. Dakwaan yang menyatakan bahawa tasawuf adalah menjadi punca utama kermunduran umat Islam tidak dapat diterima sepenuhnya kerana kebanyakan gerakan Islam yang telah menterjemahkan tasawuf, khususnya dalam konteks gerakan dakwah yang proaktif terbukti berupaya menyumbang ke arah kemajuan negara. Apa yang sebenarnya menjadi sasaran kritikan adalah terhadap segelintir gerakan tasawuf yang terlalu fanatik terhadap

⁵⁷ Tan Sri Dr. Hamid Othman dalam Ucapan Perasmian Penutup Seminar Antarabangsa *Dakwah dan Tariqat Tasawuf*, anjuran Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan Fakulti Pengajian Islam, UKM di Hotel Hilton, Seremban pada 17-19 Ogos 2002.

konsep dan amalan tarekat masing-masing sehingga sanggup melanggar batasan syarak yang menjadi pengawal zahir kepada pemikiran dan aktiviti gerakan Islam. Begitu juga terdapat amalan-amalan gerakan Islam yang didakwa tidak menepati adab dan akhlak Islam yang menjadi teras perspektif tasawuf itu sendiri. Beberapa kelemahan yang ketara dalam usaha pengamalan tasawuf dalam konteks gerakan dakwah mungkin boleh diperbaiki sekiranya reformasi dibuat secara objektif dan terbuka bagi memurnikan tasawuf agar ia selaras dengan apa yang diamalkan oleh Rasulullah dan para sahabatnya. Ia bukan sahaja boleh membantu penjanaan gerakan dakwah agar ia boleh mencapai kejayaan yang lebih cemerlang, tetapi juga berupaya meletakkan tasawuf ke puncak kegemilangan, meskipun bukan dalam bentuk sebuah tarekat sufi secara khusus seperti dahulu.